



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**DISLEKSIA DALAM ASPEK BACAAN BAHASA MELAYU**

**VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM**

**FBMK 2003 12**

**DISLEKSIA DALAM ASPEK BACAAN BAHASA MELAYU**

**VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM**

**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2003**



# **DISLEKSIA DALAM ASPEK BACAAN BAHASA MELAYU**

**Oleh**

**VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM**

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Julai 2003**



## DEDIKASI

Teristimewa buat...

Mendiang Ayahku:  
Mendiang Ibuku:

Encik Subramaniam  
Puan Vellimah

Ayah Mertuaku:  
Ibu Mertuaku:

Encik Muthu  
Puan Papathy

Suamiku:

Encik Elangkovan

Puteraku:

E. Nertiyan dan  
E. Kaviyarsu

Adik-beradikku:

S. Thanaletchumy  
S. Vikneswary  
S. Bubalan  
S. Gomathi  
S. Kulasegary  
S. Balakumar  
S. Nanthakumar

Terima kasih atas dorongan dan keyakinan yang tidak berbelah bagi.  
Doa kalian sentiasa mengiringi perjalanan hidupku ini.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

## **DISLEKSIA DALAM ASPEK BACAAN BAHASA MELAYU**

**Oleh**

**VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM**

**Julai 2003**

**Pengerusi : Prof. Madya Dr. Noor Aina Dani, Ph.D.**

**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Disleksia dalam aspek bacaan memang wujud tetapi ramai guru bahasa yang tidak menyedari hal ini kerana kekurangan pengetahuan. Dengan itu, murid-murid disleksia dimasukkan ke dalam kelas biasa dan terpaksa bersaing dengan murid-murid yang normal dalam semua aspek pembelajaran bahasa. Akibatnya, murid-murid disleksia mendapat markah yang lebih rendah daripada murid-murid normal dan mereka dianggap sebagai murid-murid lembab. Faktor ini mendorong penyelidik membuat penyelidikan tentang disleksia. Oleh sebab skop disleksia terlalu luas, maka penyelidik hanya memilih satu aspek, iaitu bacaan dengan harapan dapat mengembangkan ilmu pengetahuan yang baru dalam pembelajaran bahasa murid-murid disleksia.

Penyelidik menjalankan kajian di Sekolah Rendah Kebangsaan Serdang. Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Melayu tahap dua. Kaedah kajian yang digunakan terdiri daripada temuramah, pemerhatian, dan penterjemahan. Teori Sindrom Disleksia oleh Levinson (1994) diterapkan dalam penyelidikan ini.

Dapatan kajian daripada aspek bacaan bahasa Melayu murid-murid Melayu tahap dua menunjukkan memang terdapat murid-murid yang mengalami disleksia dalam kelas biasa. Selepas penyelidik membuat ujian saringan, kebanyakan murid-murid disleksia



ini boleh dikategorikan sama ada sebagai disleksia visual atau disleksia auditori. Konsep pembelajaran bahasa murid disleksia visual didapati berlainan dengan konsep pembelajaran murid disleksia auditori. Murid disleksia visual tidak dapat belajar melalui gambaran pandang kerana mereka sukar untuk mengekalkan imej sesuatu perkataan yang lengkap. Mereka perlu diberikan pendekatan yang berbentuk fonetik dalam pengajaran bacaan. Murid disleksia auditori mengalami masalah dalam pengamatan pendengaran. Oleh itu, mereka lemah dari segi tanggapan dan ingatan. Mereka tidak dapat menguasai kemahiran yang diperlukan untuk latihan analisis fonetik dengan mendiskriminasikan bunyi huruf dengan perkataan yang sama. Mereka perlu diberikan pendekatan bentuk visual dalam pengajaran bacaan.

Penyelidik juga telah mengenal pasti pendekatan dan aktiviti yang dapat dilaksanakan untuk mengatasi masalah membaca di kalangan murid disleksia. Murid disleksia visual sesuai diberikan latihan mengenal perkataan, meneliti pemerincian, mengenal orientasi abjad, gambaran urutan abjad dalam perkataan, dan mempercepatkan kadar diskriminasi perkataan. Murid disleksia auditori sesuai diberikan latihan kesejajaran auditori-visual, pilihan perkataan yang bermakna, kaitan simbol bertulis dengan pengalaman, pengenalan frasa dan ayat yang asas, dan cerita berasaskan pengalaman bahasa.

Selanjutnya, penyelidik dapati bahawa terdapat beberapa kaedah pembelajaran bahasa dalam aspek bacaan murid disleksia yang boleh diketengahkan di sekolah-sekolah di Malaysia. Antaranya ialah kaedah Orton Gillingham, pemulihan pembalikan huruf, dan pemulihan untuk huruf terbalik. Semua kaedah ini mempunyai teknik-teknik yang tersendiri seperti yang dinyatakan dalam tesis ini.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**DYSLEXIA FROM THE ASPECT OF READING BAHASA MELAYU**

**By**

**VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM**

**July 2003**

**Chairman: Associate Professor Noor Aina Dani, Ph.D.**

**Faculty: Modern Language and Communication**

Dyslexia in the aspect of reading does exist but many language teachers do not realize this due to lack of knowledge. Therefore, the dyslexic pupils are put into normal classes and forced to compete with other pupils who are normal in all learning aspect of the language. The consequences will be that dyslexic pupils tend to get lower marks compared to the normal pupils and they are assumed to be slow learners. This factor has motivated the researcher to conduct a research on dyslexia. Since the scope of the dyslexia is so wide, the researcher choose only one aspect of it, that is reading , with the hope of widening a new knowledge in language learning of dyslexic pupils.

The researcher carried out a research in Sri Serdang National Primary School. The subjects of the study consist of Malay pupils in their second standard. The method used in the study was interview sessions, observations and translations. The Dyslexia Syndrome Theory by Levinson(1994)was applied in this research.

The findings from Bahasa Melayu aspect of the second standard Malay pupils shows that there are dyslexic pupils in the normal class. After having done a preliminary test, it was found that most dyslexic pupils can be categorized as visual or



auditory dyslexic. It was found that in the concept of language learning between the visual and auditory dyslexic pupils there were differences. Visual dyslexics are not able to learn through image visualization because it is difficult for them to maintain a particular image of a complete word. They have to be given a phonetic approach in their reading lesson. The auditory dyslexics experienced a problem of perceiving hearing. Therefore, they are weak in perception and memorizing. They are also not able to master the skills which are needed for phonetic analysis exercise by discriminating the sound of a alphabet with the same word. These pupils have to be given an approach on visual forms in the teaching of reading.

The researcher has also identified some activities and methods which can be carried out to overcome the problem of reading among these dyslexic pupils. The visual dyslexics should be given exercise on identifying words, detail observation, recognizing the alphabet orientation, picturing the alphabetical order in a word and speeding the level of words discrimination. Auditory dyslexic pupils should be given parallel auditory – visual exercise, choice of words with meaning, relationship between written symbol and experience, introducing the basic phrases and sentences along with story telling according to their experience in language.

Finally the researcher has identified that there are several language learning methods in the reading aspect where it can be familiarized in the Malaysian schools. Among them are the Orton Gillingham method, recovery of reversed alphabets and inversed alphabets remedial. All these methods have their own techniques as described in this thesis.





## PENGHARGAAN

Penyelidik ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih terutamanya kepada pensyarah yang dihormati, Profesor Madya Dr. Noor Aini Dani yang telah membantu penyelidik semasa menyiapkan rangka ini dalam jangka waktu yang ditetapkan.

Syukur kepada Tuhan kerana penyelidik mendapat bimbingan di bawah pensyarah yang berkaliber, iaitu Profesor Madya Dr. Noor Aina Dani. Beliau merupakan aset kepada UPM kerana pengetahuannya yang mendalam dan berilmiah dalam bidang psikolinguistik. Walaupun pada peringkat permulaan penyelidik menghadapi banyak masalah dari segi pengetahuan, namun masalah ini telah dapat diatasi dengan adanya pensyarah yang berkewibawaan seperti Profesor Madya Dr. Noor Aina Dani. Beliau telah memberi bimbingan dan idea-idea yang bernas kepada penyelidik.

Dalam penyediaan penulisan akademik ini, penyelidik banyak berpandu kepada bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh Dr. Noor Aina Dani. Idea-idea yang diberikan oleh beliau semasa perbincangan adalah sangat berguna dalam penyediaan penulisan akademik ini.

Penyelidik terhutang budi kepada Profesor Madya Dr. Noor Aina Dani atas sumbangan khas beliau membiayai kos bagi menjalankan penyelidikan di Kanada. Lawatan ini amat membantu penyelidik dalam menyempurnakan tesis ini.



Penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada ahli-ahli panel penyelia kursus ini, Profesor Dr. Shaik Md Noor Alam S. M. Hussain dan Dr. Mohd. Faiz Abdullah terhadap ketekunan dan kesabaran mereka membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada penyelidik dalam usaha menyelenggarakan kajian tesis ini.

Ribuan terima kasih juga penyelidik tujukan kepada semua pihak yang terlibat khususnya guru-guru Sekolah Kebangsaan Serdang dan murid-murid yang terlibat dalam kajian yang telah banyak membantu penyelidik dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Penyelidik juga terhutang budi kepada pakar-pakar disleksia Sekolah Centennial Ecole Park Abbotsford, Kanada yang terdiri daripada Dr. Deborah Legge, Dr. Rose Tull dan Dr. A. Osterby-Batryn di atas kesudian mereka berkongsi ilmu dan pendapat serta kritikan membina dalam menyempurnakan tesis ini.

Tidak lupa juga kepada kakitangan perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka. Penyelidik juga berterima kasih kepada Puan Sohaila Abdul Karim yang tidak jemu-jemu dan sabar dalam usaha menaipkan tesis ini.

Akhir sekali, sekalung penghargaan buat ibu bapa, adik-beradik, suami, dan anak-anak serta pihak-pihak tertentu yang tidak dapat disenaraikan atas dorongan dan pengorbanan mereka bagi membolehkan penyelidik menghasilkan tesis ini.

**BERILMU BERBAKTI**



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Vijayaletchumy A/P Subramaniam telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 15hb. Julai 2003 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk “Disleksia Dalam Aspek Bacaan Bahasa Melayu” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

**Media Sandra Kasih, Ph.D.**  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Noor Aina Dani, Ph.D.**  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Mohd Faiz Bin Abdullah, Ph.D.**  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Shaik Md Noor Alam S.M.Hussain, Ph.D.**  
Profesor  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Soenjono Dardjowidjojo, Ph.D.**  
Professor of Linguistics  
Universitas Atma Jaya  
Jakarta Selatan, Indonesia  
(Pemeriksa Bebas)



---

**GULAM RUSUL RAHMAT ALI, Ph.D.**  
Profesor / Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: **11 FEB 2004**

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

**Media Sandra Kasih, Ph.D.**

Jabatan Bahasa,  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)  
(Pengerusi)

**Noor Aina Dani, Ph.D.**

Profesor Madya  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Mohd Faiz Bin Abdullah, Ph.D.**

Profesor Madya  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Shaik Md Noor Alam S.M.Hussain, Ph.D.**

Profesor  
Pejabat Dekan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**AINI IDERIS, Ph.D.**

Profesor/Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## PENGAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau di institusi pengajian yang lain.

---

(VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM )

Tarikh:



## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>DEDIKASI</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vii
<b>PENGESAHAN</b>	ix
<b>PENAKUAN</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Pengenalan tentang Disleksia	1
1.2 Hubungan Disleksia dengan Aspek Bacaan	4
1.2.1 Kelemahan Membuat Diskriminasi Fonem	5
1.2.2 Kelemahan Kemahiran Lisan	6
1.3 Latar Belakang Subjek Kajian dan Teori Kajian	7
1.3.1 Latar Belakang Subjek Kajian	7
1.3.2 Latar Belakang Teori Kajian	8
1.3.3 Pendekatan Kajian	15
1.4 Pernyataan Masalah	15
1.5 Kepentingan Kajian	19
1.6 Soalan Kajian	21
1.7 Objektif	21
1.8 Batasan Kajian	22
1.9 Definisi Operasional	23
1.9.1 Disleksia	23
1.9.2 Hubungan Disleksia dalam Aspek Bacaan	23
1.9.3 Disleksia Visual	24
1.9.4 Disleksia Auditori	24
 <b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	 <b>25</b>
2.0 Pendahuluan	25
2.1 Definisi Disleksia dan Fenomena Bahasa	25
2.1.1 Jenis-jenis Disleksia	28
2.1.2 Disleksia Zaman Kanak-kanak	29
2.2 Pembahagian Disleksia Cara Tradisional	32
2.3 Pembahagian Disleksia Cara Moden	34
2.4 Masalah Membaca	37
2.5 Kajian-kajian Tempatan yang Berkaitan	40



2.6	Kajian tentang Hubungan Disleksia dengan Aspek Bacaan	45
2.7	Kajian tentang Kelemahan Sistem Saraf Pusat dan Hubungannya dengan Disleksia	48
2.8	Kajian tentang Hubungan Disleksia dengan Aspek Struktural Otak	57
2.9	Kajian tentang Disleksia dengan Saraf	60
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>64</b>
3.0	Reka Bentuk Kajian	64
3.1	Kerangka Teori	65
3.2	Tempat Kajian	66
3.3	Populasi dan Persampelan	66
3.3.1	Subjek Kajian	68
3.4	Kaedah Kajian	69
3.4.1	Temuramah	69
3.4.2	Pemerhatian Terkawal	69
3.4.3	Pemerhatian Turut Serta	70
3.4.4	Terjemahan	70
3.5	Pembolehubah Kajian	70
3.5.1	Pembolehubah Bebas	71
3.5.2	Pembolehubah Bersandar	71
3.6	Alat Kajian	71
3.6.1	Soal Selidik	72
3.6.2	Ujian Saringan	72
3.6.3	Ujian Diagnostik	73
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	75
3.8	Tatacara Kajian	76
3.8.1	Kajian Rintis	78
3.8.2	Kajian Sebenar	79
3.8.3	Penganalisan Data	80
<b>4</b>	<b>KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>82</b>
4.0	Hasil Kajian	82
4.1	Objektif 1: Untuk Mengklasifikasikan Kumpulan Murid Disleksia daripada Murid-murid Pemulihan Khas	82
4.2	Objektif 2: Untuk Mengenal Pasti Jenis Disleksia yang Ada Kaitan dengan Aspek Bacaan	93
4.2.1	Disleksia Visual	109
4.2.2	Disleksia Auditori	110
4.3	Objektif 3: Untuk Mengenal Pasti Konsep Pembelajaran Bahasa Murid-murid Disleksia dalam Aspek Bacaan Mengikut Jenisnya	111

## Mukasurat

4.3.1	Konsep Pembelajaran Bahasa Murid Disleksia Visual	111
4.3.2	Ciri Murid yang Mengalami Disleksia Visual	113
4.3.3	Peranan Guru dalam Disleksia Visual	114
4.3.4	Konsep Pembelajaran Bahasa Murid Disleksia Auditori	116
4.3.5	Ciri Murid yang Mengalami Disleksia Auditori	117
4.3.6	Peranan Guru dalam Disleksia Auditori	118
4.4	Objektif 4: Untuk Mengenal Pasti Pendekatan dan Aktiviti yang Dapat Dilaksanakan untuk Mengatasi Masalah Membaca di Kalangan Murid Disleksia	120
4.4.1	Pendekatan yang Dapat Dilaksanakan untuk Mengatasi Masalah Membaca di kalangan Murid Disleksia	121
4.4.2	Aktiviti yang Dapat Dilaksanakan untuk Mengatasi Masalah Membaca di kalangan Murid Disleksia	124
4.4.3	Aktiviti yang Dapat Dilakukan untuk Mengatasi Masalah Membaca di Kalangan Murid Disleksia	129
4.5	Objektif 5: Untuk Menilai Kesesuaian Kaedah Pembelajaran Bahasa Murid Disleksia yang Digunakan di Kanada	132
4.5.1	Masalah Pembalikan Huruf (b, d, p dan q) dan Menterbalikkan Huruf (n,u, m, w)	139
4.6	Implikasi Dapatan dengan Teori Kajian	145
4.7	Implikasi Dapatan Kajian	158
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>162</b>
5.0	Rumusan	163
5.1	Cadangan untuk Membantu Murid-murid Disleksia	172
5.1.1	Cadangan Kajian Selanjutnya	176
<b>BIBLIOGRAFI</b>		<b>179</b>
<b>LAMPIRAN</b>		
A1	Soal Selidik Latar Belakang Murid Disleksia	190
B1	Set Ujian Saringan Bahasa Melayu	192
B2	Set Ujian Saringan Kemahiran Pengamatan	196
B3	Set Ujian Saringan Matematik	198
B4	Set Ujian Saringan Perkembangan Bahasa	199
B5	Skala Pemarkatan Perkembangan Kanak-kanak	208
B6	Peratus Pencapaian Ujian Saringan Bahasa Melayu Murid Tahun 5	219
B7	Peratus Pencapaian Ujian Saringan Pengamatan Murid Tahun 5	220





## Mukasurat

B8	Analisis Ujian Saringan Perkembangan Bahasa	221
B9	Analisis Data Masalah Disleksia (Subjek C)	222
B10	Analisis Data Masalah Disleksia (Subjek E)	223
B11	Analisis Data Masalah Disleksia (Subjek G)	224
B12	Analisis Data Masalah Disleksia (Subjek I)	225
B13	Analisis Data Masalah Disleksia (Subjek L)	226
B14	Analisis Data Masalah Disleksia (Subjek O)	227
B15	Analisis Data Masalah Disleksia (Subjek Q)	228
C1	Senarai Semak Masalah Disleksia	229
C2	Senarai Semak Tingkahlaku	235
D1	JOST – Jordan Oral Screening Test	237
D1a	Analisis Data Ujian Diagnostik JOST (Subjek C)	241
D1b	Analisis Data Ujian Diagnostik JOST (Subjek E)	242
D1c	Analisis Data Ujian Diagnostik JOST (Subjek G)	243
D1d	Analisis Data Ujian Diagnostik JOST (Subjek I)	244
D1e	Analisis Data Ujian Diagnostik JOST (Subjek L)	245
D1f	Analisis Data Ujian Diagnostik JOST (Subjek O)	246
D1g	Analisis Data Ujian Diagnostik JOST (Subjek Q)	247
D2	JWST – Jordan Written Screening Test	248
E	Surat-surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan	255
F	Surat Pengakuan daripada Dekan dan Penyelia Utama Terhadap Penyelidik ke Kanada	263
G	Surat daripada Pakar-pakar Disleksia, Kanada	266
H	Komen Pakar-pakar Disleksia, Kanada tentang Penyelidik	270
I	Gambar-gambar/Aktiviti berkaitan tentang Disleksia Di Ecole Centennial Park School, Kanada	274
J	Contoh Sijil-sijil Kepujian untuk Memotivasikan Murid Disleksia, Kanada	291
K	Sampel Pelekat Pujian sebagai Satu Motivasi	300
L	Curriculum Vitae Penilai Luar	306
<b>BIODATA PENULIS</b>		<b>313</b>



## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Perbezaan Murid Disleksia dengan Murid Lambam	4
2	Rekod Peratusan Ujian Saringan Bahasa Melayu	84
3	Rekod Peratusan Ujian Saringan Pengamatan	85
4	Rekod Prestasi Ujian Saringan Perkembangan Bahasa	86
5	Rekod Peratusan Ujian Saringan Matematik	87
6	Skala Pemarkatan Perkembangan Kanak-kanak (Murid Tahun 5)	90
7	Rekod Ujian Diagnostik JOST	94
8.	Rekod Perbandingan Peratusan Ujian Saringan Bahasa Melayu	144



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Mekanisme Kesalahan Bacaan di Kalangan Murid Disleksia (Levinson, 1994)	10
2	Perubahan di Tandai Warna Hitam	34
3	Model tentang Bacaan Kuat	37
4	Otak dan Fungsinya	50
5	Bahagian-bahagian Serebrum	52
6	Cara Aliran Pelaksanaan Kajian	80
7	Peratus Pencapaian Ujian Saringan Matematik	88
8	Analisis Senarai Semula Tingkahlaku Murid Disleksia	92
9	Rekod Perbandingan Peratusan Ujian Saringan Bahasa Melayu Subjek 'C'	146
10	Rekod Perbandingan Peratusan Ujian Saringan Bahasa Melayu Subjek 'E'	147
11	Rekod Perbandingan Peratusan Ujian Saringan Bahasa Melayu Subjek 'G'	148
12	Rekod Perbandingan Peratusan Ujian Saringan Bahasa Melayu Subjek 'I'	149
13	Rekod Perbandingan Peratusan Ujian Saringan Bahasa Melayu Subjek 'L'	150
14	Rekod Perbandingan Peratusan Ujian Saringan Bahasa Melayu Subjek 'O'	151
15	Rekod Perbandingan Peratusan Ujian Saringan Bahasa Melayu Subjek 'Q'	152
16	Mekanisma Kesalahan Bacaan di Kalangan Subjek Kajian	157



## SENARAI SINGKATAN

/	Murid dapat menyebut perkataan
X	Murid tidak dapat menyebut perkataan
→	menjadi
JOST	Jordan Oral Screening Test
JWST	Jordan Written Screening Test

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 Latar Belakang Kajian

#### 1.1 Pengenalan tentang Disleksia

Perkataan 'dyslexia' berasal daripada perkataan Greek yang membawa makna kesukaran menggunakan leksikon atau perkataan (Newton & Thomson, 1974: 6). Selanjutnya, pada tahun 1979 (Newton et al.,) telah memperluaskan lagi definisi 'dyslexia' sebagai kecelaruan berbahasa di kalangan murid yang telah mengalami pembelajaran dalam kelas biasa tetapi gagal untuk memperoleh kemahiran membaca, menulis, atau mengeja separa dengan kebolehan intelektual yang ada pada mereka (Newton, et al., 1979 : 3).

Bertitik tolak daripada kedua-dua definisi tentang disleksia yang dianggap sudah ketinggalan zaman itu, maka Pertubuhan Disleksia Antarabangsa (International Dyslexia Association, 2003) telah mengorak langkah mencari definisi yang paling tepat untuk perkataan 'dyslexia'. Mengikut pertubuhan tersebut, 'dys' membawa maksud 'kesukaran' dan 'lexia' bermaksud 'perkataan'. Disleksia merupakan kecelaruan yang dialami oleh berjuta-juta orang di seluruh dunia. Disleksia merupakan sejenis ketidakupayaan yang khusus dalam mempelajari kemahiran membaca. Kanak-kanak disleksia belajar mengikut tahap dan rentaknya yang tersendiri, dan lazimnya mahir dalam satu atau dua bidang. Sebilangan daripadanya

mengalami kesukaran penumpuan, persepsi, daya ingatan, kemahiran lisan, taakulan abstrak, kordinasi tangan-mata, penyesuaian sosial (rendah diri adalah ciri sifat yang biasa dilihat) gred, dan pencapaian yang rendah. Seringkali, kanak-kanak disleksia dianggap pemalas, suka memberontak, tidak bermotivasi, dan mempunyai daya kecerdasan yang rendah. Anggapan ini salah dan tanpa memahami kesan disleksia ke atas kehidupan seseorang membawa kepada penolakan, pengasingan, inferioriti kompleks, dan rendah diri.

Di Malaysia, (New Straits Times, 2000 bertarikh 28 Disember : 30) perkataan 'disleksia' merujuk kepada masalah yang berkaitan dengan kemahiran membaca, menulis, dan mengeja. Contoh yang diberi ialah ketidakupayaan dalam membezakan huruf 'B' dengan angka '8', atau menulis huruf dengan cara terbalik. Sesiapa yang mempunyai ciri sedemikian dikatakan menghidap disleksia.

Dari sudut neurolinguistik pula, (Doyle, 1996) mengatakan otak manusia terbina daripada kira-kira sepuluh billion sel yang dipanggil 'neuron'. Setiap neuron menggunakan reaksi biokimia untuk menerima, memproses, dan menghantar maklumat. Apabila kumpulan neuron yang tertentu tidak berfungsi dengan betul, seseorang akan berhadapan dengan masalah untuk mengenal pasti fitur-fitur bahasa. Keadaan inilah yang disebut 'disleksia'.

Di sekolah, murid yang mengalami disleksia seringkali mempunyai kemahiran membaca yang rendah, berkecenderungan untuk membaca dan menulis perkataan

serta huruf-huruf dalam susunan yang terbalik, dan menyongsangkan perkataan serta huruf-huruf sewaktu bertutur. Mereka juga mengalami kesukaran untuk memadankan bunyi dengan simbol. Seringkali mereka menggugurkan suku kata-suku kata tertentu dalam perkataan yang mempunyai banyak suku kata. Mereka dikatakan mempunyai pemahaman yang rendah dalam kemahiran lisan, bacaan senyap, dan tulisan pula buruk.

Setakat ini belum ada statistik tentang penduduk dunia yang mengalami disleksia. Penyelidik telah berusaha untuk mencari statistik penderita disleksia di Malaysia tetapi belum diusahakan oleh mana-mana pihak. Kajian di beberapa buah negara menunjukkan lima hingga sepuluh peratus penduduk menghidap disleksia. Kebanyakan kajian menunjukkan bahawa disleksia diwarisi daripada keturunan. Didapati kaum lelaki lebih banyak yang menghidap disleksia berbanding dengan kaum perempuan (Doyle, 1996).

Murid-murid yang menghidap disleksia seringkali merasa ketinggalan dalam kelas kerana masyarakat sering mengaitkan kelancaran membaca dan menulis dengan kepintaran seseorang murid. Murid-murid disleksia yang mempunyai masalah membaca dan menulis dianggap murid-murid yang lemah tanpa mengambil kira faktor bahawa murid-murid tersebut mempunyai kecerdasan otak yang tinggi. Oleh sebab murid-murid disleksia berfikir dalam bentuk imej, bukan huruf atau angka, maka mereka menghadapi masalah untuk menyesuaikan cara pembelajaran mereka dengan sistem pembelajaran yang sedia ada. Beberapa personaliti yang terkenal

seperti Albert Einstein, Henry Ford, Alexander Graham Bell, Walt Disney, Cher, Whoopi Goldberg, General George Patton, Robin Williams' dan Leonardo da Vinci pada asalnya merupakan individu disleksia. Contoh beberapa personaliti yang dikemukakan ini menunjukkan bahawa individu disleksia mempunyai kelebihan dalam 1 atau 2 bidang yang tertentu seperti yang disyorkan oleh International Dyslexia Association, 2003). Terdapat perbezaan antara murid-murid disleksia dengan murid-murid lembab seperti yang diutarakan oleh Benton & Pearls, (1978 : 3).

Jadual 1 : Perbezaan antara murid-murid disleksia dengan murid-murid lembab

Disleksia	Lembab
Keupayaan intelek dari aras sederhana dan atas aras sederhana.	Keupayaan intelek yang terhad.
Aras kecerdasan 100 dan lebih	Aras Kecerdasan 70 dan kurang.
Dikenal pasti sebagai lembab pada peringkat awal sahaja.	Kebanyakan menghadapi masalah membaca dan menulis yang berterusan.
Kurang memahami apa yang dikatakan tetapi menunjukkan pemahaman, ingin tahu, dan berpengetahuan dari segi lisan.	Menghadapi kesukaran dalam kebanyakan aspek pendidikan yang lain dan kurang cenderung terhadap naluri ingin tahu.
Ujian diagnostik tidak dapat mengkategorikan mereka ke dalam kumpulan lembab.	Menunjukkan prestasi yang rendah.

## 1.2 Hubungan Disleksia dengan Aspek Bacaan

Disleksia sangat berkait rapat dengan aspek bacaan. Mengikut Maskina binti Elias (2000:5), sewaktu membaca, seseorang akan menggunakan penglihatan,



persepsi pengecaman, pemahaman, dan reaksi. Dalam keadaan ini, murid-murid disleksia menghadapi kesukaran untuk membuat diskriminasi fonem dan lemah dalam kemahiran lisan. Selanjutnya diperjelaskan kelemahan membuat diskriminasi fonem dan kelemahan kemahiran lisan di kalangan murid-murid disleksia.

### **1.2.1 Kelemahan Membuat Diskriminasi Fonem**

Terdapat tiga aspek penting dalam mendiskriminasi fonem. Antaranya ialah persepsi bunyi, persepsi fonem, dan persepsi pertuturan.

Persepsi bunyi adalah peringkat yang paling asas. Permasalahan yang terdapat pada peringkat ini ialah kesukaran untuk memecahkan rangsangan audiotro (linguistik dan bukan linguistik yang berjeda). Sebahagian daripada kelemahan ini jelas kelihatan pada konsonan tertutup. Ini disebabkan oleh formasi yang kerap dalam spektra bunyi di telinga. Kelemahan pada peringkat persepsi bunyi mengganggu pelbagai kemahiran fonologi yang diperlukan untuk membaca dan mengeja.

Peringkat kedua dalam membuat diskriminasi fonem ialah peringkat persepsi fonem. Kelemahan yang ada pada peringkat ini bukan sahaja menjejaskan pembacaan dan pengejaan, malah penerimaan dan ekspresif bahasa. Berbanding dengan murid-murid normal, murid-murid disleksia menghadapi masalah persepsi